



Program Takaful Kemalangan Diri



myPOLISPA

Program Takaful Kemalangan Diri



Perlindungan **24 Jam**
Di Seluruh Dunia Termasuk
SEWAKTU BERTUGAS

Keistimewaan

1

PERLINDUNGAN SEMASA BERTUGAS

Perlindungan 24 Jam Takaful Kemalangan diri KHAS UNTUK POLIS DIRAJA MALAYSIA.



Keistimewaan

4

MAMPU DIMILIKI

Kadar sumbangan yang mampu milik.



Keistimewaan

2

TINGGI NILAINYA

Perlindungan sehingga RM440 000.



Keistimewaan

5

MUDAH DISERTAI

Kemudahan penyertaan melalui potongan Biro Angkasa.



Keistimewaan

3

PERLINDUNGAN 24 JAM

Perlindungan di seluruh dunia.



Keistimewaan

6

KHAIRAT KEMATIAN & PERBELANJAAN PENGEBUMIAN UNTUK ORANG BUKAN MUSLIM

Kematian disebabkan kemalangan atau kematian biasa.



Perlindungan Tambahan

- Sebarang Tindakan Keganasan*
- Pembunuhan atau Serangan yang tidak diprovokasi
- Mogok, Rusuhan, Kekacauan Awam atau Perampasan
- Keracunan Makanan
- Kelemasan
- Panahan Petir
- Pendedahan dan Kehilangan

*Tertakluk kepada terma dan syarat



Perutusan Presiden CUEPACS

Program Takaful Kemalangan Diri di Malaysia yang disediakan **KHAS untuk memberi perlindungan kepada Anggota Polis Diraja Malaysia**

Seperti yang diketahui umum, tugas sebagai anggota polis dalam menjaga keselamatan awam mendedahkan mereka kepada pelbagai risiko kemalangan sewaktu bertugas. Justeru itu, satu perlindungan khas diperlukan sebagai alternatif dalam memastikan kebajikan warga anggota polis terjamin ketika menghadapi sebarang cabaran.

Program Perlindungan Kemalangan Diri myPOLISPA telah direalisasikan oleh CUEPACS dan Medicare dengan memberi perlindungan 24 jam termasuk sewaktu bertugas dengan kadar sumbangan yang begitu rendah dan mampu dimiliki oleh semua peringkat anggota PDRM. Program perlindungan myPOLISPA merangkumi perlindungan kewangan untuk kematian, kecacatan anggota badan sama ada kecacatan kekal, penuh atau separa sehingga RM440,000.00. Melalui Pelan Perlindungan Kemalangan myPOLISPA, ianya akan dapat membantu anggota PDRM dan keluarga apabila ditimpa kemalangan atau musibah tertentu dari segi meringankan bebanan kewangan.

Yang ikhlas,
Dato' Haji Adnan Bin Mat
Presiden CUEPACS

Kadar Sumbangan Yang Mampu Dimiliki Dengan Perlindungan Komprehensif

PELAN A **RM8** SEBULAN
Perlindungan Sehingga **RM 220,000**



PELAN B **RM16** SEBULAN
Perlindungan Sehingga **RM 440,000**

Skop Perlindungan

myPOLISPA menyediakan perlindungan kewangan apabila anggota PDRM dan keluarga ditimpa sebarang kemalangan yang menyebabkan:



Kecederaan



Kecacatan anggota badan kekal atau separa



Kelumpuhan



Kematian



Sediakan payung sebelum hujan dengan



myPOLISPA
Program Takaful Kemalangan Diri

Dengan Program Takaful Kemalangan Diri myPOLISPA, keadaan kewangan anggota PDRM dan keluarga dilindungi apabila kejadian tidak diingini berlaku.

Apakah Program Takaful Kemalangan Diri myPOLISPA?

- Ia adalah Program Takaful Kemalangan Diri yang diperkenalkan khas untuk anggota Polis Diraja Malaysia. Program takaful ini menawarkan perlindungan 24 Jam termasuk sewaktu bertugas dan merangkumi pelindungan kewangan untuk kematian, kecacatan anggota badan sama ada kecacatan kekal, penuh atau separa.
- Ia menawarkan perlindungan terhadap Perbelanjaan Perubatan jika berlakunya musibah akibat kemalangan.
- Ia juga menawarkan Perbelanjaan Pengebumian (untuk bukan Islam), serta Upah Haji dan Khairat Kematian (untuk umat Islam) jika berlakunya kematian disebabkan kemalangan atau kematian biasa.

Siapakah Yang Layak Untuk Memohon Program Takaful Kemalangan Diri myPOLISPA?

- Terbuka kepada semua **ANGGOTA POLIS DIRAJA MALAYSIA** serta ahli keluarga mereka.
 - Had umur
 - Ahli dan Pasangan : 18 tahun hingga 60 tahun. Pembaharuan akan dilanjutkan sehingga umur 70 tahun.
 - Anak ahli : Dari umur 30 hari hingga 18 tahun, dan akan dilanjutkan ke 23 tahun jika anak masih bujang dan masih belajar sepenuh masa.
- *Semua umur merujuk kepada umur ulang tahun terakhir Orang Yang Dilindungi

Jadual Manfaat myPOLISPA

	<p>MANFAAT 1</p> <p>KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN SEBAGAI PENUMPANG DI DALAM PENGANGKUTAN AWAM BERLESEN</p> <p>Bagi kemalangan maut semasa dalam perjalanan dengan pengangkutan awam berlesen.</p>	<p>PELAN A RM220,000</p> <p>PELAN B RM440,000</p>
	<p>MANFAAT 2</p> <p>KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN DALAM PENGANGKUTAN SELAIN DARIPADA PENGANGKUTAN AWAM</p> <p>Bagi kematian akibat kemalangan semasa dalam perjalanan dengan pengangkutan selain daripada pengangkutan awam.</p>	<p>PELAN A RM110,000</p> <p>PELAN B RM220,000</p>
	<p>MANFAAT 3</p> <p>KEMATIAN AKIBAT LAIN-LAIN KEMALANGAN</p> <p>Kematian akibat lain-lain kemalangan seperti pembunuhan atau serangan, mogok, rusuhan, kecacauan awam atau perampasan, keracunan makanan secara kemalangan, lemas secara kemalangan, panahan petir, pendedahan atau kehilangan.</p>	<p>PELAN A RM110,000</p> <p>PELAN B RM220,000</p>
	<p>MANFAAT 4</p> <p>LUMPUH DARI LEHER KE BAWAH ATAU HILANG KEWARASAN</p> <p>Perlindungan myPOLISPA bagi kelumpuhan menyeluruh dari leher ke bawah atau ketidakwarasan menyeluruh dan tidak dapat diubati.</p>	<p>PELAN A RM220,000</p> <p>PELAN B RM440,000</p>
	<p>MANFAAT 5</p> <p>HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN</p> <p>myPOLISPA melindungi hilang upaya kekal atau kehilangan anggota badan akibat kemalangan yang menghalang sama sekali Orang Yang Dilindungi daripada menjalankan perniagaan atau sebarang pekerjaan.</p>	<p>PELAN A RM110,000</p> <p>PELAN B RM220,000</p>
	<p>MANFAAT 6</p> <p>PERBELANJAAN PERUBATAN AKIBAT KEMALANGAN</p> <p>Pembayaran balik bagi semua perbelanjaan perubatan akibat kemalangan ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi semasa dimasukkan ke mana-mana Hospital Kerajaan atau Swasta.</p>	<p>PELAN A RM3,000</p> <p>PELAN B RM5,000</p>
	<p>MANFAAT 7</p> <p>ELAUN TUNAI HARIAN DI HOSPITAL KERAJAAN</p> <p>Elaun tunai harian di Hospital Kerajaan sebanyak RM100 sehari diberi semasa penghospitalan akibat kemalangan kepada peserta myPOLISPA.</p>	<p>PELAN A RM2,000</p> <p>PELAN B RM3,000</p>
	<p>MANFAAT 8</p> <p>ELAUN PERJALANAN MINGGUAN</p> <p>Elaun perjalanan mingguan diberi kepada ahli keluarga terdekat untuk melawat Orang Yang Dilindungi semasa di hospital akibat kemalangan.</p>	<p>PELAN A RM50 seminggu sehingga RM500</p> <p>PELAN B RM100 seminggu sehingga RM1,000</p>


MANFAAT 9
KHAIRAT KEMATIAN

Khairat Kematian - takaful kemalangan diri myPOLISPA juga memanjangkan manfaat ini untuk kematian biasa.

Bagi Umat Islam
* Upah Haji
* Khairat Kematian

PELAN A
RM1,500
RM1,500

PELAN B
RM3,000
RM3,000

ATAU
KHAIRAT KEMATIAN

Bagi Orang Yang Dilindungi beragama Islam yang telah menunaikan fardhu haji, manfaat khairat kematian akan diberikan.

Bagi Umat Islam
* Khairat Kematian

PELAN A
RM3,000

PELAN B
RM6,000

PERBELANJAAN PENGEBUMIAN UNTUK ORANG BUKAN MUSLIM

Bagi Orang Yang Dilindungi bukan beragama Islam, manfaat perbelanjaan pengebumian akan diberikan.

Bukan Islam

PELAN A
RM3,000

PELAN B
RM6,000

Jadual Sumbangan Bulanan myPOLISPA
Sumbangan Bulanan (Setiap Seorang)

Jenis Pelan	Pelan A	Pelan B	Manfaat
Pemohon	RM8.00	RM16.00	100%
Pasangan (Polis)	RM8.00	RM16.00	
Pasangan (Bukan Polis)	RM6.00	RM12.00	
Anak umur (1 - 12)	RM1.50	RM3.00	25%
Anak umur (13 - 17)	RM3.00	RM6.00	50%
Anak umur (18 - 22)	RM6.00	RM6.00	100%

*tidak termasuk cukai SST

Nota-nota:

- Semua sumbangan untuk pasangan dan anak mesti dibuat melalui pemohon.
- Pasangan dikehendaki memberitahu pekerjaan sekarang (jika ada).

Nota-nota Penting

- Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/ atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, Zurich General Takaful Malaysia Berhad akan meminda terma-terma sijil takaful untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.
- Pelan ini diuruskan oleh Zurich General Takaful Malaysia Berhad, pengendali takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- Sila rujuk kepada Sijil Induk untuk senarai penuh berkenaan dengan manfaat, terma, syarat dan pengecualian yang terdapat dalam produk ini.

Skala Manfaat Hilang Upaya Kekal

JADUAL MANFAAT	Peratus jumlah yang dilindungi	
	Pelan A	Pelan B
Keterangan Hilang Upaya		
Hilang Anggota Badan (dua anggota badan)	100%	100%
Hilang kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua belah ibu jari tangan	100%	100%
Sebarang kecederaan yang mengakibatkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	100%	100%
Hilang tangan di paras bahu	100%	100%
Hilang tangan di paras antara bahu dan siku	100%	100%
Hilang tangan di paras siku	100%	100%
Hilang tangan di paras antara siku dan pergelangan tangan	100%	100%
Hilang tangan di paras pergelangan tangan	100%	100%
Hilang kaki		
• di paras pinggul	100%	100%
• di antara lutut dan pinggul	100%	100%
• di bawah lutut	100%	100%
Mata : Hilang		
• keseluruhan mata	100%	100%
• Penglihatan	100%	100%
• Penglihatan, kecuali persepsi mata	50%	50%
Hilang empat jari dan satu ibu jari di sebelah tangan	50%	50%
Hilang empat jari	40%	40%
Hilang ibu jari		
• kedua-dua ruas	25%	30%
• satu ruas	10%	15%
Hilang jari telunjuk		
• tiga ruas	10%	10%
• kedua-dua ruas	8%	8%
• satu ruas	4%	4%
Hilang jari tengah		
• tiga ruas	6%	10%
• kedua-dua ruas	4%	5%
• satu ruas	2%	2%
Hilang jari manis		
• tiga ruas	5%	10%
• kedua-dua ruas	4%	7.5%
• satu ruas	2%	5%
Hilang jari kecil		
• tiga ruas	4%	10%
• kedua-dua ruas	3%	7.5%
• satu ruas	2%	5%
Hilang Metakarpus		
• pertama atau kedua (tambahan)	3%	3%
• ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%	2%
Hilang jari kaki		
• kesemua ruas	15%	15%
• ibu jari, pada kedua-dua ruas	5%	5%
• ibu jari, satu ruas	2%	3%
• selain ibu jari, jika lebih satu jari, setiap satu	1%	1%
Hilang Pendengaran		
• kedua-dua belah telinga	75%	75%
• sebelah telinga	15%	25%
Hilang Pertuturan	50%	50%

Sekiranya Hilang Upaya tidak dinyatakan secara khusus, Pengendali Takaful berhak untuk menggunakan peratusan jumlah yang dilindungi berdasarkan hilang upaya, yang pada pendapat Pengendali Takaful tidak bercanggah dengan peruntukan di atas

PENGECUALIAN YANG BERKENAAN DENGAN MANFAAT 1 HINGGA 8

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. Penglibatan atau penyertaan Anda dalam: -
 - a) Anggota tentera, perkhidmatan atau operasi angkatan tentera laut atau udara;
 - b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;
 - c) Memanjat batu atau mendaki gunung (dengan keperluan menggunakan tali atau pemandu gunung), meneroka gua, seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter dalam, aktiviti udara termasuk payung terjun, peluncuran gantung dan terjun bungee atau sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki;
 - d) Perjalanan udara kecuali Anda dalam pertugasan atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang diiktiraf dan dioperasikan oleh mana-mana pesawat di laluan dan perjalanan udara yang dijadualkan dan perjalanan udara oleh mana-mana pesawat yang disewa dan dilesenkan dengan sewajarnya sebagai pengangkut udara yang diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan dikendalikan dengan betul;
 - e) Perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang atau sebarang kegiatan haram;
 - f) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah.
2. Dipengaruhi oleh alkohol atau dadah, kecuali dadah tersebut diambil atas arahan Pengamal Perubatan dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.
3. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
4. Kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau sebarang komplikasi yang berkaitan kecuali semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan kepada Anda.
5. Gigitan nyamuk.
6. Penyakit, kesakitan atau sebarang masalah kesihatan.
7. Keadaan Sedia Ada.
8. Sengaja mendedah kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
9. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif mutan, variasi atau rawatan yang disebabkan olehnya.
10. Penyertaan secara langsung dalam rusuhan atau kekecohan awam, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada Peperangan diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa (kecuali Anda dalam pertugasan menjaga ketenteraman dan keselamatan awam).
11. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh aktiviti radio dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear sendiri.
12. Peperangan atau Peperangan saudara – sama ada diisytiharkan atau tidak.
13. Klausula Pengecualian Pemusnahan Besar-besaran Keganasan
 Walau apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam takaful ini atau apa-apa pengendorsan terhadapnya adalah dipersetujui bahawa takaful ini akan mengecualikan Keganasan tetapi hanya akibat daripada penggunaan senjata Nuklear, Kimia atau Biologi biologi ini atau apa-apa cara apabila digabungkan akan menghasilkan kemusnahan secara besar-besaran.
 Bagi tujuan kluasa ini:
 - i. Keganasan bermaksud tindakan atau apa-apa tindakan orang perseorangan atau kumpulan, terikat secara politik, berunsur keagamaan, ideologi atau tujuan sama dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang atau mana-mana seksyen orang awam, di dalam ketakutan. Keganasan termasuk, tetapi tidak terhad kepada menggunakan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan. Tambahan pula pengganas bagi keganasan boleh bertindak secara berseorangan atau bagi pihak atau berhubung dengan sebarang organisasi atau kerajaan.
 - ii. Penggunaan senjata nuklear untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud penggunaan apa-apa bahan letupan senjata nuklear atau alat atau pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan atau pembelahan nuklear yang akan memancarkan satu peringkat radioaktif yang boleh melumpuhkan atau menyebabkan kematian dalam kalangan manusia atau haiwan.
 - iii. Penggunaan senjata kimia untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan apa-apa bahan pepejal, cecair atau campuran bahan kimia bergas yang mana apabila disebarkan mampu untuk melumpuhkan atau menyebabkan kematian dalam kalangan manusia atau haiwan.
 - iv. Penggunaan senjata kimia untuk kebinasaan secara besar-besaran bermaksud pemancaran, pengeluaran, penyebaran, melepaskan apa-apa bahan pepejal, cecair atau campuran bahan kimia bergas yang mana apabila disebarkan mampu untuk melumpuhkan atau menyebabkan kematian dalam kalangan manusia atau haiwan.
14. Sekatan - Kami tidak akan memberi perlindungan atau membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada Pemilik Sijil atau Anda atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.
15. Wabak dan/atau pandemik.

PENGECUALIAN YANG BERKENAAN DENGAN MANFAAT 9

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif, variasi atau rawatan mutan yang disebabkan olehnya.
2. Percubaan membunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Mula yang pertama. Pengecualian ini tidak terpakai selepas tahun perlindungan pertama. Walau bagaimanapun, jika terdapat tempoh luput semasa tempoh perlindungan, pengecualian tersebut akan digunapakai semula.
3. Perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang atau sebarang kegiatan haram.

Penyertaan Mudah

Langkah 1	Lengkapkan borang permohonan dan borang BPA 1/79.	
Langkah 2	Sertakan salinan slip gaji terkini dan kad pengenalan (pemohon sahaja).	
Langkah 3	Poskan ke alamat: Medicare Assistance Sdn Bhd A-1-8, Pusat Perdagangan Intania, Jalan Intan 1/KS1, Persiaran Raja Muda Musa, 41200 Klang, Selangor. Tel: 03-3371 4248 Faks: 03-3371 4258	

Pusat Khidmat Pelanggan myPOLISPA

Pusat Khidmat Pelanggan myPOLISPA memberikan perkhidmatan khas untuk pemohon mendapatkan sebarang maklumat berkaitan manfaat perlindungan dan proses tuntutan.



Bantuan Di Hujung Jari Anda

03-3371 4248



**MUAT TURUN
BORANG**

Nota: Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukanlah suatu perjanjian takaful. Terma dan syarat yang tepat bagi pelan takaful ini ada dijelaskan dalam Sijil Induk.

MediCare
YOUNG OR OLD, WE INSURE THEM ALL

**MELINDUNGI
MEREKA
YANG MELINDUNGI KITA**

 mycuepacscare
  my_cuepacscare
  mycuepacscare
  www.mypolispa.my

Diunderait oleh:



Zurich General Takaful Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622
Website: www.zurich.com.my

Diuruskan oleh:



Medicare Assistance Sdn Bhd
A-1-8, Pusat Perdagangan Intania,
Jalan Intan 1/KS1, Persiaran Raja Muda Musa,
41200 Klang, Selangor, Malaysia.
Tel: 03-3371 4248 Faks: 03-3371 4258
Email: c_service@medicare.org.my